

11/04/1998

Unimas anjur Realiti Maya 98

UNIVERSITI Malaysia Sarawak (Unimas) akan menganjurkan seminar dan bengkel Realiti Maya 98 yang memberikan maklumat terkini mengenai perkembangan industri pendidikan dan perubatan.

Seminar selama dua hari itu akan berlangsung di Pusat Pameran Mines, Sri Kembangan, Selangor pada 14 dan 15 April ini.

Seminar itu bertujuan memberi peluang kepada mereka yang terbabit dalam industri seni bina, reka bentuk dan pemasaran mengikuti perkembangan pesat teknologi dalam bidang berkenaan.

Sebanyak 16 kertas kerja akan dibentangkan di seminar itu oleh pembentang dari dalam dan luar negara.

Seminar itu dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka yang berminat untuk menyertai seminar itu boleh menghubungi talian 082-671000 sambungan 381 atau email: nara@fit.unimas.my.

(END)